

## **IMPAK KETIDAKAKURAN SIVIL TERHADAP LANDSKAP POLITIK MALAYSIA**

*(Impact of Civil Disobedience on Malaysian Political Landscape)*

Zawiyah Mohd Zain & Mohammad Agus Yusoff

### **ABSTRAK**

Gerakan Reformasi tercetus apabila rakyat bangkit berdemonstrasi di ibu kota Kuala Lumpur pada tahun 1998 bagi membantah pemecatan Anwar Ibrahim dari jawatan Timbalan Perdana Menteri. Bantahan tersebut dipelopori oleh golongan muda, mahasiswa dan masyarakat civil. Namun, gerakan Reformasi hampir mati di permulaan era pemerintahan Abdullah Badawi. Ini kerana rakyat gembira dan terpesona dengan janjinya membawa perubahan politik negara untuk mengukuhkan demokrasi dan menegakkan integriti. Maka, Barisan Nasional (BN) memperoleh mandat besar dalam Pilihan Raya Umum ke-11 (PRU-11) pada tahun 2004 yang merupakan pencapaian terbaik parti tersebut dalam sejarah politik Malaysia. Begitupun, sepinya Kuala Lumpur tidak lama kerana ketidakakurran civil kembali menjadi pemandangan biasa di hujung pemerintahan Abdullah dan semakin marak di era Najib Razak. Persoalannya, apakah faktor yang mendorong kepada berlakunya ketidakakurran civil tersebut? Sejauh manakah impak ketidakakurran civil terhadap politik Malaysia? Makalah ini menggunakan data sekunder seperti buku dan jurnal untuk mendapatkan maklumat kajian. Data-data ini kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan dibincangkan secara tematik. Makalah ini berhujah ketidakakurran civil menyebabkan kerajaan BN akur dengan tuntutan penambahbaikan proses demokrasi dan keadaan inilah yang membuka ruang kepada gabungan oposisi untuk mempromosikan kemenangan politiknya. Hasilnya, dalam PRU-14 pada 9 Mei 2018, BN buat pertama kalinya tewas setelah 61 tahun memerintah negara.

**Kata kunci:** Ketidakakurran civil, pilihan raya, politik Malaysia, Reformasi, demokrasi

### **ABSTRACT**

The emergence of Reformasi movement was marked by a series of mass street demonstration in Kuala Lumpur as they protested against the removal of Anwar Ibrahim as Deputy Prime Minister in 1998. The civil disobedience movement was pioneered by young people, university students, and civil societies. However, it was almost withered away at the beginning of Abdullah Badawi's era because the people was convinced with Abdullah's promise in strengthening democracy and upholding integrity. This led to the Barisan Nasional's (BN) biggest mandate in history via the 11th General Elections (GE-11) in 2004. Yet, the silence in the capital city was shortlived when another civil disobedience cracked at the end of Abdullah's tenure of office and growing strong in the era of Najib Razak. The question, what is the factor leads to the emergence of civil disobedience? What is the impact of civil disobedience on Malaysian politics? This article uses secondary data from books, journals and research reports. The data is then analyzed using content analysis method and thematically discussed. This article argues the civil disobedience caused BN government to fulfill the demand to improving

democratic process which opened opportunities to the opposition coalition to promote their political campaign. As a result, on May 9<sup>th</sup>, 2018, BN lost for the first time in any GE after 61 years in power.

**Keywords:** Civil disobedience, general election, Malaysian politics, Reformasi, democratization

## PENGENALAN

Ketidakakuran sivil yang paling hebat di Malaysia berlaku di zaman pemerintahan Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1998 berpunca daripada pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri. Akibat pemecatan Anwar ini, maka muncullah gerakan Reformasi di Malaysia dan gerakan ini berterusan sehingga Dr. Mahathir meletakkan jawatannya pada Oktober 2003. Di zaman Abdullah Badawi, gerakan Reformasi ini berhenti seketika kerana Abdullah menjanjikan perubahan, namun gagal, menyebabkan ketidakakuran sivil muncul semula di fasa kedua pemerintahannya pada tahun 2007. Kesannya pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-12, kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) gagal mendapat kemenangan majoriti dua pertiga bagi kerusi parlimen dan tewas di lima negeri kepada pakatan oposisi. Manakala di era Najib Razak pula, ketidakakuran sivil bermula seawal beliau dilantik menjadi Perdana Menteri sehingga turut menjelaskan sokongan rakyat pada BN dalam PRU ke-13 dan menjatuhkan BN dalam PRU ke-14. Persoalannya, bermula dari era Reformasi sehingga kini, setelah hampir 20 tahun ketidakakuran sivil berlaku di Malaysia, apakah impaknya terhadap politik Malaysia? Setakat ini terdapat banyak kajian yang memberi fokus kepada ketidakakuran sivil khususnya berkaitan dengan Reformasi tahun 1998, namun belum ada lagi analisis kritikal yang dilakukan berkaitan dengan kesan ketidakakuran sivil terhadap politik Malaysia. Artikel ini mengisi kekosongan tersebut dengan menilai isu ketidakakuran sivil dan kesannya terhadap politik Malaysia, khusus dari era Reformasi sehingga PRU ke-14.

## SOROTAN KARYA

Ketidakakuran sivil menurut Rawls adalah satu tindakan awam yang aman, dilakukan secara jujur dan biasanya bertujuan untuk menuntut perubahan terhadap sesuatu undang-undang atau polisi kerajaan (Rawls, 1971). Bedau mendefinisikan ketidakakuran sivil seperti berikut:

*“...acts which are illegal, committed openly, non-violently, and conscientiously, within the framework of the rule of law and with the intention of frustrating or protesting some law, policy, or decision of the government (or some of its officers)”* (Bedau, 1991). Menurut Smith, ketidakakuran sivil ialah: “...public, illegal and political protest carried out against state or policies...acts of civil disobedience might be justified within a constitutional democracy. Justification here is understood as a moral or political justification—where civilly disobedient citizens claim that they are morally or politically entitled to disobey law” (Smith, 2004).

Takrifan ketiga-tiga sarjana di atas menekankan ketidakakuran sivil sebagai tindakan awam yang bertujuan untuk membantah undang-undang serta dasar kerajaan yang bertentangan dengan aspirasi rakyat. Ia dilakukan sama ada atas alasan moral, agama, keadilan atau lainnya. Berdasarkan definisi ini, artikel ini menyimpulkan ketidakakuran sivil merupakan tindakan yang dilakukan oleh rakyat seperti parti politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan aktivis sosial untuk menentang dasar kerajaan yang menurut mereka menyalahi prinsip moral dan keadilan. Tujuan ketidakakuran sivil adalah untuk mendapatkan

perhatian kerajaan dan masyarakat, dilakukan dalam bentuk protes jalanan, demonstrasi, perhimpunan, forum, penulisan di media-media sosial dan lain-lain.

Mengenai ketidakakururan sivil, terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana berkenaan dengan hal ini. Di negara membangun, Hill & Sen melalui buku *The Internet in Indonesia's new democracy* (2005) membincangkan tentang ketidakakururan sivil di Indonesia. Mereka berhujah ketidakakururan sivil yang berlaku di Indonesia adalah kerana rakyat tidak bersetuju dengan pemerintahan autokratik Suharto. Ini kerana pemerintahan Suharto mencabul hak asasi rakyat dengan menggunakan tentera untuk mengekalkan kekuasaannya.

Brown (2005) pula dalam kajiannya di Mexico menyatakan berlakunya ketidakakururan sivil oleh kumpulan pemberontak Zapatista di negara itu adalah disebabkan oleh tindakan kerajaan memberhentikan program khidmat awam dan menghapuskan subsidi menyebabkan berlakunya peningkatan harga barang. Jadi, kumpulan ini menuntut supaya kerajaan memberi perhatian kepada keadilan, kesaksamaan dan demokrasi. Di Mesir juga, ketidakakururan sivil ini berlaku disebabkan oleh ketidakadilan terhadap rakyat dan pemerintahan kerajaan Hosni Mobarak yang autokratik. Storck (2011) dalam kajian sarjananya bertajuk *The role of social media in political mobilisation: A case study of the January 2011 Egyptian uprising* mendapati rakyat membantah ketidakadilan kerajaan dengan cara menggunakan media sosial untuk mendorong kebangkitan rakyat sehingga berlakunya revolusi *Arab Spring* pada tahun 2011. Akibat penyebaran informasi secara meluas melalui Internet, ia menarik ramai aktivis Mesir untuk melakukan tindakan ketidakakururan sivil terhadap kerajaan dan mempercepatkan mobilisasi politik.

Weiss (2006) mengkaji tentang krisis politik di Malaysia pada tahun 1998. Beliau menyatakan terdapat beberapa faktor utama yang menggerakkan ketidakakururan sivil pada tahun tersebut. Antaranya ialah krisis ekonomi, pemecatan Anwar Ibrahim daripada kabinet dan UMNO (United Malays National Organization) serta pendedahan Anwar Ibrahim tentang isu korupsi, kolusi dan nepotisme (KKN) dalam kerajaan. Antara pihak yang terlibat dalam ketidakakururan sivil ini ialah parti oposisi dan masyarakat sivil yang terdiri daripada NGO, kesatuan sekerja, aktivis masyarakat dan golongan muda, terutamanya pelajar universiti.

Abdul Rashid (2009) menerusi artikelnya *2008 general election in Malaysia: Democracy at work* menulis tentang PRU 2008. Beliau menyatakan setelah BN menang besar dalam PRU 2004, BN tidak menunaikan janjinya untuk melakukan perubahan ke arah pentadbiran yang lebih baik. Akibatnya, dalam PRU 2008 rakyat telah melakukan protes dengan menyokong pakatan oposisi Pakatan Rakyat (PR). PR yang terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR), Democratic Action Party (DAP) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah mendapat 82 kerusi Parlimen, sekali gus menafikan majoriti dua pertiga BN. Kejayaan PR dalam PRU tersebut telah mengubah budaya politik Malaysia dan membuka ruang ke arah demokrasi yang lebih baik.

Analisis Gomez (2014) dalam kajiannya bertajuk *Social media impact on Malaysia's 13th general election* menunjukkan BN dan Najib telah menggunakan pelbagai sumber untuk menarik sokongan rakyat dalam PRU ke-13, termasuklah penggunaan media sosial yang intensif. Namun, mereka tidak mendapat sokongan rakyat dalam PRU tersebut kerana rakyat tidak berpuas hati dengan kegagalan kerajaan melakukan perubahan yang fundamental dalam Pelan Transformasi Kerajaan, tidak menangani masalah kos sara hidup dan juga rasuah.

Saravanamuttu (2016) dalam bukunya *Power sharing in a divided nation: Mediated communalism and new politics in six decades of Malaysia's elections* turut menganalisis ketidakakururan sivil rakyat terhadap kerajaan BN dalam PRU ke-13. Contohnya demonstrasi Bersih 2 pada 9 Julai 2011 dan Bersih 3 pada 28 April 2012. Akibat ketidakakururan sivil ini

pencapaian BN semakin merosot dibandingkan dengan PRU ke-12; kerusi parlimen semakin berkurangan dan BN juga tewas undi popular kepada PR iaitu 47 peratus berbanding 51 peratus yang diperoleh PR. Saravanamuttu menyatakan ketidakakuruan sivil ini berlaku di bandar dan dilakukan oleh golongan muda menyebabkan BN tidak mendapat undi yang banyak dari golongan itu. Trend pengundian pengundi bandar dan pengundi muda yang menolak BN ini adalah kerana mereka tidak berpuas hati dengan transformasi kerajaan yang tidak menampakkan hasil yang positif menyebabkan saban hari rakyat semakin terhimpit dengan kenaikan kos sara hidup.

Moniruzzaman & Farzana (2018) dalam artikel mereka *Malaysia' 14th general election: End of an epoch, and beginning of a new?* menganalisis keputusan PRU ke-14. Mereka menyatakan keputusan PRU ke-14 pada 2018 mengejutkan dan tidak dijangka, kerana tidak ada kajian sebelumnya yang meramal Pakatan Harapan (PH) akan membentuk kerajaan. Keputusan PRU tersebut menunjukkan PH menang 113 kerusi parlimen. Dari segi parti komponen, PKR mendapat 47 dari 71 kerusi yang ditandingi, DAP 42 dari 47 kerusi yang ditandingi, Bersatu 13 dari 52 kerusi yang ditandingi dan AMANAH menang 11 dari 34 kerusi yang mereka tandingi. Faktor utama yang menyumbang kepada kemenangan PH ialah kembalinya Dr. Mahathir dalam arena politik Malaysia dengan mengetuai PH. Ini kerana Dr. Mahathir yang pernah memimpin kerajaan 22 tahun masih mendapat sokongan rakyat. Faktor lain ialah ketidakakuruan sivil yang berlaku berhubung isu rasuah dalam kerajaan khususnya berkaitan isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB), FELCRA dan FELDA. Ketidakakuruan ini menyebabkan undi mereka beralih kepada PH yang diketuai Dr. Mahathir.

Kajian-kajian sarjana di atas menunjukkan terdapat pelbagai isu yang membawa kepada berlakunya ketidakakuruan sivil. Antara isu tersebut ialah pemerintahan yang autokratik, ketidakadilan dalam pentadbiran kerajaan dan masalah ekonomi. Berbeza dengan kajian di atas yang hanya membincangkan tentang faktor ketidakakuruan sivil dengan memberi fokus kepada tempoh masa yang singkat, artikel ini menfokuskan kepada faktor berlakunya ketidakakuruan sivil dari tahun 1998 hingga 2018 dan kesannya terhadap politik Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan data sekunder yang diperoleh daripada buku, jurnal, laporan kerajaan, laporan kajian, akhbar dan sebagainya. Data dianalisis menggunakan analisis kandungan dan dibincang berdasarkan tema yang menjadi persoalan dalam artikel ini, iaitu punca dan kesan ketidakakuruan sivil terhadap politik Malaysia.

## **HASIL KAJIAN**

### **i) Ketidakakuruan Sivil di Malaysia**

Pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 September 1998 telah menyebabkan para penyokongnya dan beberapa kumpulan NGO bangkit membantah penyingkiran tersebut kerana menyifatkannya sebagai konspirasi politik. Pada 20 September 1998, Anwar Ibrahim memimpin demonstrasi secara besar-besaran di sekitar Masjid Negara dan Dataran Merdeka. Demonstrasi tersebut menerima sokongan hebat masyarakat, terutamanya golongan muda yang dianggarkan melebihi 30,000 orang (Farish, 1999). Antara NGO yang terlibat ialah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Just World Trust (Just) dan lain-lain.

Selepas itu beberapa siri demonstrasi terus diadakan sehingga tahun 2001. Antaranya ialah demonstrasi diadakan pada 13 hingga 16 April 1999 berikutan keputusan perbicaraan kes rasuah Anwar Ibrahim yang menjatuhkan hukuman penjara terhadap beliau (Brown, 2004; Tan Lee Ooi, 2010). Demonstrasi juga berlaku pada Januari tahun 2000 selepas Anwar Ibrahim disabitkan dengan kesalahan kedua iaitu kes liwat. Demonstrasi tersebut berlarutan sehingga tahun 2001 yang mana kemuncaknya adalah pada April tahun 2001, iaitu sempena ulang tahun Anwar Ibrahim dipenjarakan atas kesalahan rasuah. Pun begitu, demonstrasi tersebut menjadi perlana selepas itu kerana keghairahan politik rakyat telah berkurangan. Ini berikutan tindakan kerajaan menangani kebangkitan rakyat dengan cara memberi amaran keras dan juga tangkapan di bawah ISA (Tan Lee Ooi, 2010).

Ketidakakuruan sivil yang meledak di fasa akhir era Dr. Mahathir Mohamad ini membawa kepada persaraan beliau pada Oktober 2003 setelah 22 tahun memerintah. Beliau digantikan oleh Abdullah Badawi. Di era Abdullah Badawi, pada akhir tahun 2007, berlaku dua demonstrasi besar iaitu demonstrasi Gabungan Pilihan Raya Adil dan Bersih (Bersih) pada 10 November 2007, dan juga Barisan Bertindak Hak Asasi Hindu (Hindraf) pada 25 November 2007. Bersih merupakan gabungan beberapa NGO yang menuntut pilihan raya yang adil dan telus, manakala demonstrasi Hindraf pula adalah untuk memprotes beberapa perobohan kuil Hindu oleh Pihak Berkuasa Tempatan Selangor (Ooi Kee Beng, 2008; Chin & Wong Chin Huat, 2009). Selain itu, mereka juga melakukan demonstrasi untuk mendapat perhatian kerajaan tentang isu kemiskinan kaum India di Malaysia.

Selain daripada dua isu di atas, rakyat juga tidak akur terhadap kerajaan pimpinan Abdullah kerana beliau gagal menunaikan janji PRU ke-11 untuk meningkatkan pembangunan demokrasi dan integriti. Di bawah pentadbiran beliau, rasuah masih berlaku seperti kes Port Klang Free Zone (PKFZ) dan kes video berkaitan dengan Peguam V.K. Lingam. Selain itu, terdapat juga campur tangan keluarga dalam pentadbirannya seperti yang dide dahkan oleh Dr. Mahathir Mohamad dalam *blog* beliau (Zawiyah & Mohammad Agus, 2013). Akibatnya sokongan masyarakat kepada BN telah merosot dalam PRU ke-12. Dalam PRU tersebut, BN hanya menang majoriti mudah dengan 140 kerusi kerusi Parlimen berbanding 199 kerusi dalam PRU ke-11. BN juga tewas di lima buah negeri kepada oposisi berbanding hanya satu negeri dalam PRU ke-11 (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2008). Kegagalan BN mendapat majoriti dua pertiga dalam PRU ke-12 membawa kepada perletakan jawatan Abdullah sebagai Perdana Menteri pada 3 April 2009.

Di zaman Najib Razak pula, protes masyarakat sivil berterusan menuntut kerajaan menghapuskan Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA). Protes ini dianjurkan oleh NGO Gerakan Mansuhkan ISA (GMI) pada April 2009 dan Mac 2011 kerana menurut mereka akta tersebut melanggar prinsip keadilan, kebebasan dan hak asasi manusia. Hasil dari protes tersebut, maka pada September 2011, Najib Razak telah mengumumkan pemansuhan ISA dan digantikan dengan Akta Perhimpunan Aman 2012 dan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah khas) 2012 (Jasri & Nur Shazana, 2013). Berkenaan dengan Akta Perhimpunan Aman, walaupun akta tersebut bertujuan supaya rakyat dapat berhimpun secara aman, namun rakyat menganggap akta tersebut tidak membantu kerana terdapat sekatan seperti tempoh notis selama 10 hari yang perlu diberi kepada polis dan juga kuasa budi bicara yang terlalu banyak diberikan kepada pihak polis. Pada Disember 2009 pula, beberapa kumpulan NGO dan parti oposisi mengadakan demonstrasi membantah perancangan kerajaan untuk memperkenalkan GST bermula pada tahun 2012. Misalnya sempena Hari Buruh pada tahun 2010, kira-kira 500 orang dari kumpulan NGO yang diketuai oleh S. Aruchelvan dan Dr. Nasir Hashim dari Parti Sosialis Malaysia (PSM) berkumpul di luar bangunan Majlis Peguam Malaysia bertujuan untuk membaca Deklarasi Hari Buruh dan juga membantah pengenalan GST. Hasil bantahan rakyat

menyebabkan kerajaan mengumumkan untuk menangguhkan dahulu pelaksanaan GST tersebut (Malaysiakini, 2010). Ketidakakuruan sivil tersebut memberi kesan kepada keputusan PRU ke-13. Sokongan masyarakat kepada BN dalam PRU tersebut semakin merosot. Jumlah kerusi parliment yang dimenangi BN berkurangan kepada 133 kerusi berbanding 140 kerusi dalam PRU ke-12 (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2013).

Seterusnya selepas PRU ke-13, semakin banyak isu yang menimbulkan kemarahan rakyat di era pentadbiran Najib. Antaranya pertama, pelaksanaan GST pada tahun 2015 menyebabkan berlakunya kenaikan harga barang asas. Oleh itu, perhimpunan untuk membantah GST telah diadakan. Misalnya, pada April 2016 bantahan diadakan di sekitar Kuala Lumpur yang bertempat oleh Dr. Mahathir dan pemimpin parti oposisi iaitu Parti Amanah Negara (Amanah), PKR dan DAP (Berita Harian, 2016). Kedua, isu salah guna kuasa 1MDB. Pada tahun 2015 terdapat tuduhan bahawa Najib Razak terlibat dengan skandal 1MDB, iaitu wang RM2.6 bilion daripada 1MDB dimasukkan ke dalam akaun beliau (Saravanamuttu, 2016; Wright & Hope, 2018). Biarpun, kerajaan menafikan salah guna kuasa Najib Razak dalam isu ini tetapi rakyat tidak percaya dan mereka mengadakan bantahan. Misalnya pada Ogos 2015, sekumpulan aktivis pelajar universiti berkampung di luar Parlimen menggesa Najib Razak meletak jawatan kerana mendakwa beliau mempunyai kaitan dengan skandal 1MDB dan wang RM2.6 bilion. Pada Oktober 2017 pula, perhimpunan “Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi” membabitkan parti politik oposisi dan NGO diadakan membantah salah guna kuasa kerajaan berkaitan 1MDB (Malaysiakini, 2017).

Ketiga, rakyat juga marah dengan penyelewengan dana yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan. Antaranya melibatkan Tabung Haji, Felda, MARA, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Misalnya penyelewengan dana sebanyak RM107 juta melibatkan Kementerian Belia dan Sukan dan penyelewengan dana Kementerian Luar Bandar dan Wilayah sebanyak 1.5 bilion (Malaysiakini, 2016; Berita Harian, 2017). Manakala Tabung Haji, Felda dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) pula, berdepan dakwaan skandal dan penyelewengan kerana pengurusan dana yang diragui. Dalam kes Tabung Haji ia melibatkan dakwaan pecah amanah Ketua Pegawai Eksekutif TH Heavy Engineering yang dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan melakukan penyelewengan melibatkan wang bernilai RM2.5 juta. Bagi kes Felda, sebuah anak syarikatnya, Felda Wellness Corporation mengalami kerugian sebanyak RM155 juta dan ber hutang sebanyak RM154 juta dalam dua tahun setengah operasinya mulai Julai 2013. Manakala MARA didakwa mengalami kerugian mencerek USD26.9 juta (RM81 juta), akibat skandal melibatkan pembelian dua asrama pelajar di Australia, iaitu Dudley House dan Swanston ST. Kes-kes di atas menyebabkan ketidakpuasan hati dan kemarahan rakyat kepada kerajaan yang di suarkan di laman sosial, dimulakan oleh Rafizi Ramli bekas Ahli Parlimen Pandan, dan mendapat pelbagai respon masyarakat yang turut melahirkan ketidakpuasan hati berhubung kes tersebut (Syazana Hasanuddin, 2017).

Perbincangan di atas menunjukkan ketidakakuruan sivil berlaku sejak era Dr. Mahathir dan ia berterusan hingga era Abdullah dan Najib. Hasil analisis menunjukkan isu utama yang menyebabkan berlakunya ketidakakuruan sivil ialah isu politik dan pentadbiran, seperti penyelewengan dana kerajaan, salah guna kuasa, sekatan kebebasan berhimpun dan sekatan kebebasan bersuara. Contohnya pada tahun 1998, pemecatan Timbalan Perdana Menteri Anwar Ibrahim telah menyebabkan berlakunya ketidakakuruan sivil, kerana rakyat percaya ia dilakukan secara tidak adil akibat perbezaan pandangan antara dua pemimpin utama ketika itu. Manakala di era Abdullah Badawi, kelemahan kepimpinan beliau yang tidak dapat menunaikan janji PRU ke-11 menyebabkan rakyat menunjukkan ketidakakuruan sivil melalui peti undi dalam PRU ke-12 pada tahun 2008. Begitu juga dengan era Najib, pelbagai penyelewengan

dalam pentadbiran kerajaan menyebabkan rakyat melakukan protes menuntut beliau meletak jawatan. Di Zaman Najib, rakyat menuntut beliau meletak jawatan kerana terbeban dengan kenaikan harga bahan api dan kos sara hidup yang tinggi, GST dan penyelewengan 1MDB. Persoalannya, apakah kesan ketidakakururan sivil terhadap politik Malaysia khususnya dalam tempoh hampir 20 tahun dari tahun 1998 sehingga menjelang PRU ke-14? Perkara ini dibincangkan di bahagian seterusnya.

## **ii) Impak Ketidakakururan Sivil**

Bantahan dan ketidakakururan sivil rakyat telah memberikan beberapa kesan terhadap politik Malaysia. Hasil analisis mendapati kesannya adalah seperti berikut. Pertama ketidakakururan sivil telah melahirkan politik baharu di era reformasi. Politik baharu dicirikan oleh beberapa aspek. Pertama, masyarakat telah mempunyai kesedaran yang tinggi dalam proses pengundian iaitu tidak hanya mengundi berdasarkan parti semata-mata tetapi melihat kepada isu yang dibangkitkan. Misalnya dalam PRU 1999, isu pemecatan Anwar Ibrahim telah menyebabkan kemerosotan sokongan kepada UMNO sehingga beberapa menteri kabinet telah tewas di kawasan Parlimen masing-masing (Weiss, 1999). Kedua, telah wujud sokongan politik yang melangkaui sempadan etnik dengan penubuhan Parti Keadilan Nasional (KeADILan) pada tahun 1999 yang terbuka untuk semua kaum. Dalam hal ini, Weiss dalam analisisnya menyatakan walaupun pakatan oposisi Barisan Alternatif (BA) gagal menewaskan BN dalam PRU ke-11 namun, kerjasama menerusi BA menunjukkan beberapa perkembangan penting dalam politik Malaysia. Antaranya BA telah menggugurkan etnik sebagai prinsip persaingan politik. Walaupun PAS masih mengekalkan keahliannya hanya untuk kaum Melayu, tetapi mereka telah dapat bekerjasama dengan parti bukan Melayu DAP. Manakala bagi DAP, KeADILan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM), parti mereka terbuka untuk semua kaum (Weiss, 2003). Akhir sekali, meningkatkan minat politik di kalangan golongan muda terutamanya kepada mereka yang mempunyai akses terhadap Internet. Ini dapat dilihat apabila telah munculnya pelbagai laman sesawang yang membincangkan isu-isu politik terkini selepas pemecatan Anwar Ibrahim pada September 1998 (Mustafa, 1999). Selain itu, menjelang PRU 1999 terdapat pendaftaran mengundi yang mendadak daripada golongan muda sehingga 680,000 orang daripada mereka tidak dapat mengundi kerana data tidak sempat diproses oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (Lim Hong Siang 2017).

Kedua, ketidakakururan sivil menyumbang kepada proses demokrasi yang lebih baik dan lebih matang. Ini kerana masyarakat lebih terbuka dalam menyuarakan pandangan mereka tentang sesuatu isu. Masyarakat lebih terbuka kerana mereka telah terdedah kepada tindakan ketidakakururan sivil sama ada menerusi Internet atau media massa perdana yang melaporkan tentang protes dan perhimpunan yang berlaku. Misalnya dalam demonstrasi Bersih yang menuntut pilihan raya yang adil dan telus serta kebebasan media di Malaysia, rakyat sama-sama turun ke jalan untuk menyatakan bantahan mereka terhadap pihak kerajaan. Bersih yang melibatkan pelbagai NGO telah menganjurkan beberapa siri demonstrasi jalanan sejak tahun 2007 sehingga 2016, dan mendapat sambutan daripada masyarakat untuk keluar bersama-sama mereka melakukan protes.

Ketiga, ketidakakururan sivil berjaya merapatkan jurang perkauman antara masyarakat di Malaysia. Misalnya perhimpunan Bersih pada 2007, lebih 10,000 terlibat dan ramai orang Melayu luar bandar yang hadir serta bergabung dengan masyarakat bandar pelbagai bangsa dari pelbagai parti politik. Hal ini kerana Bersih disokong oleh lebih 90 NGO, yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan kaum seperti ABIM, Persatuan Alumni Han Chiang Malaysia, Center for Orang Asli Concerns, Federation of Indian NGO, Women's Aid

Organization, Persatuan Hak Asasi Manusia (HAKAM) dan sebagainya (Bersih, 2018). Selain itu, parti politik seperti DAP, PKR dan Amanah juga sering terlibat dalam perhimpunan Bersih dan dapat meningkatkan mobilasi penyokong mereka dari pelbagai kaum untuk turut serta. Manakala Bersih 4.0 yang diadakan pada Ogos tahun 2015 telah mencatat sejarah tersendiri apabila Dr. Mahathir yang dahulunya menentang demonstrasi jalanan turut hadir memberi sokongan pada perhimpunan tersebut. Ini kerana beliau tidak bersetuju dan tidak akur dengan salah guna kuasa yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan, terutamanya berkaitan dengan skandal 1MDB, yang menurutnya merosakkan ekonomi negara.

Akhir sekali dan yang paling penting, ketidakakururan sivil yang meledak hebat pada tahun 1998 dan berlarutan sehingga menjelang PRU ke-14, menyebabkan dominasi BN terhakis dalam politik Malaysia. Ia bermula sejak PRU ke-10 lagi semasa di era reformasi pada tahun 1999. Dalam PRU tersebut, BN hanya mendapat 56.5 peratus undi keseluruhan berbanding 65 peratus undi dalam PRU 1995. Dari segi jumlah kerusi Parlimen, BN menang 148 kerusi daripada 193 kerusi yang dipertandingkan, berbanding 162 kerusi yang dimenangi pada PRU 1995 (Suruhanjaya Pilihan Raya, 1999; 2006). Ini kerana rakyat yang menyokong reformasi dan Anwar Ibrahim telah menolak BN khususnya UMNO. Walau bagaimanapun dalam PRU ke-11, ia tidak terkesan kerana pertukaran pemimpin iaitu Abdullah Badawi yang menjanjikan agenda yang hampir sama seperti yang dituntut oleh golongan reformasi. Namun setelah Abdullah tidak melakukan perubahan seperti mana yang dijanjikan, sokongan terhadap BN merosot teruk dalam PRU ke-12 dengan gagal mendapat majoriti dua pertiga di Parlimen. BN juga telah kehilangan lima negeri kepada pembangkang iaitu Selangor, Kelantan, Pulau Pinang, Kedah dan Perak. Manakala di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula, BN telah kalah 10 daripada 11 kerusi Parlimen yang mereka tandingi. Keadaan tersebut menyebabkan penganalisis politik menyatakan Malaysia telah dilanda tsunami politik. Daripada 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan, BN menang 140 kerusi manakala pakatan pembangkang pula memperoleh 82 kerusi iaitu PKR (31), DAP (28) dan PAS (23) (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2008).

Begitu juga dengan PRU ke-13, pencapaian BN semakin merosot apabila jumlah kemenangan di Dewan Rakyat semakin kurang. BN masih gagal mendapat majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat dan hanya memenangi 133 kerusi daripada 222 kerusi parlimen iaitu kekurangan beberapa kerusi berbanding PRU 2008. Manakala Pakatan Rakyat pula mendapat 89 kerusi (DAP 38, PKR 30 dan PAS 21). Dari segi jumlah undi popular BN mendapat 5.2 juta undi (47%) dan Pakatan Rakyat mendapat 5.6 juta undi (50%) (Suruhanjaya Pilihan Raya, 2013). Ini menunjukkan walaupun Pakatan Rakyat gagal membentuk kerajaan, tetapi sokongan rakyat terhadap Pakatan Rakyat adalah tinggi, terutamanya di kawasan bandar.

Paling signifikan ialah kesan ketidakakururan sivil pada PRU-14 yang berlangsung pada 9 Mei 2018. Dalam PRU tersebut, berlaku persaingan yang sengit antara parti kerajaan BN dan pakatan oposisi iaitu PH yang terdiri daripada PKR, Amanah, DAP, Bersatu dan parti tempatan Sabah Warisan. BN yang telah memenangi 13 kali pilihan raya terpaksa bergelut dengan pelbagai isu sejak tahun 2017. Antaranya ialah salah guna kuasa, rasuah, skandal 1MDB, GST, kenaikan harga barang dan lain-lain (Wright & Hope, 2018). Isu-isu tersebut telah menjadi sebab berlakunya bantahan dan ketidakakururan sivil yang berleluasa di fasa kedua pemerintahan Najib Razak sama ada dalam talian atau secara konvensional di jalanan seperti yang dibincangkan di bahagian sebelum ini. Bagi menangani masalah tersebut, BN tidak dapat memberi penerangan yang jelas dan menyakinkan rakyat, sebaliknya menuduh ia adalah fitnah daripada pembangkang. Oleh itu, BN banyak menabur janji baharu dengan menawarkan pelbagai inisiatif menerusi manifesto PRU ke-14 mereka. Antaranya mereka memberi

penekanan kepada kebijakan kaum wanita, golongan muda dan juga kumpulan berpendapatan rendah (The Star, 2018).

Manakala bagi pakatan oposisi pula, mereka bersemangat menewaskan BN sejak pilihan raya umum ke-12 lagi. Oleh itu, menjelang PRU ke-14, PH telah menggerakkan jentera mereka ke seluruh negara untuk mendapatkan sokongan daripada pengundi. Mereka menggunakan pelbagai strategi kempen seperti media sosial, WhatsApp, ceramah ke luar bandar, menubuhkan kumpulan NGO sukarela untuk membantu calon dan lain-lain lagi. Kempen politik mereka mendapat sambutan yang positif. Ini kerana dalam setiap kempen, mereka mengenangkan isu-isu hangat yang menjadi perhatian rakyat seperti skandal 1MDB, isu wang 2.6 billion dan juga penyelewengan dana kerajaan.

Selain itu, PH yang baharu ditubuhkan pada 22 September 2015 yang asalnya merupakan pakatan antara PKR, DAP dan Amanah, mendapat formula yang baik bagi parti mereka (Saravanamuttu, 2016). Antaranya mereka membentuk kerjasama dengan parti Bersatu, iaitu parti yang baharu ditubuhkan pada September 2016, yang diketuai oleh bekas Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad dan juga bekas Timbalan Perdana Menteri Mahyuddin Yassin. Kerjasama dengan Bersatu memberi impak positif kepada PH, kerana Dr. Mahathir Mohamad yang pernah menjadi PM selama 22 tahun mempunyai pengaruh dan sokongan yang besar di kalangan masyarakat Malaysia. Selain itu, pakatan oposisi juga telah bersetuju untuk bertanding menggunakan logo PH. Namun, disebabkan pendaftaran PH tidak diluluskan, maka mereka memutuskan untuk bertanding menggunakan logo PKR. Walau bagaimanapun di Sabah dan Sarawak DAP masih menggunakan logo mereka sendiri.

Ketidakakurran civil yang berlaku disebabkan isu-isu yang dinyatakan di atas telah memberi kesan kepada keputusan PRU ke-14. Keputusan tersebut memberi kejutan dan harapan baharu kepada masyarakat Malaysia. Dalam PRU tersebut, BN telah tewas setelah memerintah selama 61 tahun iaitu sejak dari tahun 1957. PH dan Warisan memperolehi 121 kerusi (PKR 49, DAP 42, Bersatu 12, Amanah 10 dan Warisan 8) berbanding dengan BN yang hanya mendapat 79 kerusi. Manakala PAS pula memperolehi 18 kerusi. Dari segi undi popular BN mendapat 32 peratus, PH 50.1 peratus dan PAS 18 peratus. Bagi kerusi DUN pula BN hanya menang di negeri Perlis dan Pahang pada PRU tersebut. BN mendapat 166 kerusi daripada 505 kerusi yang di pertandingkan. PH dan Warisan mendapat 247 kerusi manakala PAS mendapat 90 kerusi. Lihat Jadual 1 dan 2.

Jadual 1: Kerusi Parlimen dimenangi BN dan Parti Pembangkang PRU Ke-14

NEGERI	PKR	BN	PAS	DAP	WARI-SAN	BEB AS	SOLIDA-RITI	JUMLA H
Perlis	1	2	-	-	-	-	-	3
Kedah	10	2	3	-	-	-	-	15
Kelantan	-	5	9	-	-	-	-	14
Terengganu	-	2	6	-	-	-	-	8
Pulau Pinang	11	2	-	-	-	-	-	13
Perak	13	11	-	-	-	-	-	24
Pahang	5	9	-	-	-	-	-	14
Selangor	20	2	-	-	-	-	-	22
W.P. Kuala Lumpur	10	-	-	-	-	1	-	11
W.P. Putrajaya	-	1	-	-	-	-	-	1

Negeri Sembilan	5	3	-	-	-	-	-	8
Melaka	4	2	-	-	-	-	-	6
Johor	18	8	-	-	-	-	-	26
W.P. Labuan	-	1	-	-	-	-	-	1
Sabah	3	10	-	3	8	-	1	25
Sarawak	4	19	-	6	-	2	-	31
<b>Jumlah</b>	<b>104</b>	<b>79</b>	<b>18</b>	<b>9</b>	<b>8</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>222</b>

Nota: PH terdiri daripada PKR, Bersatu, PAN, DAP dan mendapat sokongan Warisan. Di Semenanjung Malaysia, PH bertanding atas logo PKR.

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2018)

Jadual 2: Kerusi DUN dimenangi BN dan Parti Pembangkang PRU ke-14

NEGERI	PKR	BN	PAS	WARISAN	DAP	SOLIDARITI	JUMLAH
Perlis	3	10	2	-	-	-	15
Kedah	18	3	15	-	-	-	36
Kelantan	-	8	37	-	-	-	45
Terengganu	-	10	22	-	-	-	32
Pulau Pinang	37	2	1	-	-	-	40
Perak	29	27	3	-	-	-	59
Pahang	9	25	8	-	-	-	42
Selangor	51	4	1	-	-	-	56
Negeri Sembilan	20	16	-	-	-	-	36
Melaka	15	13	-	-	-	-	28
Johor	36	19	1	-	-	-	56
Sabah	2	29	-	21	6	2	60
<b>Jumlah</b>	<b>220</b>	<b>166</b>	<b>90</b>	<b>21</b>	<b>6</b>	<b>2</b>	<b>505</b>

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (2018).

Ringkasnya, dengan keputusan PRU tersebut, maka berakhirlah dominasi UMNO/BN dalam politik Malaysia selama 61 tahun menerusi 13 kali PRU. PH pula mencatat sejarah apabila dapat membentuk kerajaan, sekali gus membuka lembaran baharu politik Malaysia dan seterusnya membawa kepada era Malaysia Baharu. Di era Malaysia baharu PH berazam untuk membawa Malaysia ke suatu tahap yang lebih baik dari segi demokrasi, iaitu pentadbiran kerajaan yang mengutamakan ketelusan, adil, terbuka, menentang rasuah, menentang penyalahgunaan kuasa, mempunyai kebebasan media dan mereformasi institusi pentadbiran. Pun begitu, dalam usaha untuk merealisasikan impian tersebut terdapat pelbagai cabaran yang muncul. Antaranya adalah merencanakan semula ekonomi yang agak perlahan pertumbuhannya, menstrukturkan semula beberapa agensi kerajaan dan GLC, mendapatkan kepercayaan kaktitangan kerajaan yang telah lama berada di bawah budaya lama pemerintahan BN, merealisasi janji dalam manifesto Buku Harapan, dan menangani permasalahan sosial dari segi cabaran perpaduan kaum. Setelah setahun Malaysia di era kerajaan PH, belum banyak perubahan yang dilakukan, dan rakyat masih menanti janji-janji yang buat dalam kempen PRU ke-14.

## KESIMPULAN

Ketidakakururan sivil adalah manifestasi ketidakpuasan hati rakyat terhadap kerajaan. Antara cara yang dilakukan adalah melalui demonstrasi jalanan, protes, perhimpunan dan penulisan di media sosial. Tujuannya adalah untuk mendapat perhatian kerajaan supaya memberikan maklum balas positif ke atas tuntutan mereka. Di Malaysia, hasil analisis menunjukkan terdapat dua isu utama yang membawa kepada berlakunya ketidakakururan sivil. Pertama, isu politik dan pentadbiran seperti rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dana kerajaan. Kedua, ialah berkaitan isu ekonomi seperti pelaksanaan GST, kos sara hidup yang tinggi, harga petrol yang mahal, dan ketidakstabilan ekonomi negara.

Dari segi kesan ketidakakururan sivil pula, hasil analisis telah menunjukkan ia melahirkan proses demokrasi yang lebih baik. Selain itu, ia juga memberi kesan kepada keputusan pilihan raya umum sehingga mengubah landskap politik Malaysia. Landskap politik Malaysia berubah apabila ketidakakururan sivil telah melahirkan politik baharu, dapat meningkatkan proses demokrasi, melahirkan politik matang dan seterusnya menyumbang kepada perubahan kerajaan secara demokratik dalam PRU ke-14. Dalam PRU tersebut, BN yang memerintah selama 61 tahun telah tewas dan digantikan dengan kerajaan baharu PH. Kemenangan PH telah membawa kepada era Malaysia Baharu iaitu pentadbiran kerajaan yang berjanji untuk mengutamakan ketelusan, adil, terbuka, menentang rasuah, menentang penyalahgunaan kuasa, mempunyai kebebasan media dan mereformasi institusi pentadbiran.

## RUJUKAN

- Abdul Rashid Moten. (2009). 2008 General Elections in Malaysia: Democracy at work, *Japanese Journal of Political Science* 10 (1), 21-42.
- Bedau, H.A. (1991). Introduction. Dlm. H.A. Bedau (ed.), *Civil disobedience in focus*. London: Routledge, pp. 1-13
- Berita Harian. (2016). Tun Msertai 2,000 peserta bantah GST di KL. *Berita Harian*, 2 April 2016. [www2.beritaharian.com](http://www2.beritaharian.com) [14 Mei 2019].
- Berita Harian. (2017). Kes seleweng dana awam: 2 bekas pegawai Shafie dibebas. *Berita Harian*, 24 Oktober, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/10341245/kes-seleweng-dana-awam-2-bekas-pegawai-shafie-dibebas> [14 Mei 2019].
- Bersih 2.0. (2018). Endorsing NGOs. <http://www.bersih.org/about/ngos/> [15 Mei 2019].
- Brown, G.K. (2004). Civil society and social movements in an ethnically divided society: The case of Malaysia, 1981-2001. Tesis PhD, University of Nottingham.
- Brown, M.P. (2005). Matters of conscience: Justice and protest in society. Disertasi PhD, University of Minnesota.
- Chin, J. & Wong Chin Huat. (2009). Malaysia's electoral upheaval, *Journal of Democracy* 20 (3), 71-85.
- Farish A. Noor. (1999). Looking for Reformasi: The discursive dynamics of the Reformasi movement and its prospects as a political project, *Indonesia and The Malay World*, 27 (77), 8-15.
- Felker, G. (1999). Malaysia in 1998: A cornered tiger bares its claws, *Asian Survey* 42(1), 43-54.
- Gomez, J. (2014). Social media impact on Malaysia's 13th general election, *Asia Pacific Media Educator* 24 (1), 95-105
- Hill, D.T. & Sen, K. (2005). *The Internet in Indonesia's new democracy*. London: Routledge.
- Jasri Jamal & Nor Shazana Sedek Shah. (2013). Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736): Analisis dari sudut undang-undang jenayah Islam dan undang-undang Malaysia, *Kanun, Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 60-82.
- Lim Hong Siang. (2017). Tsunami Melayu: Retorik atau realiti? *Malaysiakini*, 30 November. <https://www.malaysiakini.com/columns/403225> [15 Mei 2019].

- Malaysiakini. (2010). Demo Hari Buruh: Enam ditahan polis. *Malaysiakini*, 3 Mei <https://www.malaysiakini.com/news/130703> [3 Jun 2019].
- Malaysiakini. (2016). Seleweng dana KBS, dua lagi ditahan SPRM. *Malaysiakini*, 24 Mac <https://www.malaysiakini.com/news/335022> [3 Jun 2019].
- Malaysiakini. (2017). Himpunan antikleptokrat tamat, pengajur dakwa 25,000 hadir. *Malaysiakini*, 14 Oktober. <https://www.malaysiakini.com/news/398319> [14 Mei 2019].
- Moniruzzaman, M.D & Farzana, K.F. (2018). Malaysia' 14th general election: End of an epoch, and beginning of a new? *Intellectual Discourse* 29 (1), 207-228.
- Mustafa K. Anuar. (1999). Turning over? Sycophantic media prompts more and more Malaysians to seek views, *Aliran Monthly* 19 (5), 28-31.
- Ooi, Kee Beng. (2008). *Lost in transition: Malaysia under Abdullah*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Rawls, J. (1971). *A Theory of Justice*. Massachusetts: Belknap Press.
- Saravanamuttu, J. (2016). *Power sharing in a divided nation: Mediated communalism and new politics in six decades of Malaysia's elections*. Singapore: ISEAS Publishing.
- Syazana Hasanuddin. (2017). UMNO khianati Felda, MARA dan Tabung Haji. *Roketkini.com*, 8 Februari. <https://www.roketkini.com/2017/02/08/umno-khianati-felda-mara-dan-tabung-haji/> [13 Mei 2019].
- Smith, W. (2004). Democracy, deliberation and disobedience, *Res Publica* 10, 353-377.
- Storck, M. (2011). The role of social media in political mobilisation: A case study of the January 2011 Egyptian uprising. Tesis M.A, University of St. Andrews, Scotland.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. (1999). *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1999*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. (2006). *Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1999*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. (2008). *Laporan Pilihan Raya Umum ke-12, 2008*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. (2013). *Keputusan Pilihan raya umum 2013*. <http://www.spr.gov.my> [3 Jun 2019].
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. (2018). *Keputusan pilihan raya umum 2018*. <http://www.spr.gov.my> [3 Jun 2019].
- Tan Lee Ooi. (2010). *Dinamik ruang siber dalam gerakan Reformasi di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- The Star. (2018). BN Manifesto: A vision for the nation. *The Star*, 7 April. <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/04/07/bn-manifesto-a-vision-for-the-nation> [3 Jun 2019].
- Weiss, M.L. (1999). What will become Reformasi? Ethnicity and changing political norms in Malaysia, *Contemporary Southeast Asia* 21(3), 424-427.
- Weiss, M.L. (2003). Overcoming race-based politics in Malaysia: Establishing norms for deeper multiethnic co-operation. Dlm. Ho Khai Leong & James Chin (eds.). *Mahathir's administration: Performance and crisis in governance*. Singapore: Times Books International, pp. 62-99
- Weiss, M.L. (2006). *Protest and possibilities: Civil society and coalitions for political change in Malaysia*. Stanford: Stanford University Press.
- Wright, T. & Hope, B. (2018). *Billion Dollar Whale*. New York: Hachette Book Group.
- Zawiyah Mohd Zain & Mohammad Agus Yusoff. (2013). Civil disobedience and its impact on 2008 general election, *Cotemporary Social Sciences*, 22 (3&4), 91-106.
- Zawiyah Mohd Zain & Mohammad Agus Yusoff. (2015). The emergence of civil disobedience: A comparison during Dr. Mahathir and Abdullah Badawi's Era, *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6 (1), 279-285.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **ZAWIYAH MOHD ZAIN**

Universiti Utara Malaysia

[zmzain@uum.edu.my](mailto:zmzain@uum.edu.my)

### **MOHAMMAD AGUS YUSOFF**

Universiti Kebangsaan Malaysia

[agus@ukm.edu.my](mailto:agus@ukm.edu.my)